



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



PELAN STRATEGIK

Politeknik Ibrahim Sultan
2021 - 2025



2021 - 2025

PELAN STRATEGIK

POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

Berbekalkan slogan ***“One Team One Dream”*** akan menjadi pendorong utama warga Politeknik Ibrahim Sultan untuk memastikan Pelan Strategik ini menjadi kenyataan. Justeru itu, adalah diharapkan warga Politeknik Ibrahim Sultan dapat memainkan peranan masing-masing dengan meningkatkan rasa tanggungjawab agar Politeknik Ibrahim Sultan sentiasa relevan dengan perkembangan dunia hari ini.

-Dr. Zubaidah Binti Aman

ISI KANDUNGAN

Prakata	5
Visi, Misi & Piagam Pelanggan	6
Pengurusan & Pentadbiran Politeknik Ibrahim Sultan	7
Senarai Pengurusan & Pentadbiran Politeknik Ibrahim Sultan 2021	8
Pelan Pembangunan Pengajian Tinggi Nasional 2015 - 2025	9
6 Teras Strategi	10 - 11
Teras 1: Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti	12 - 13
Teras 2: Memantapkan Governan Yang Responsif Dan Mampan	14 - 15
Teras 3: Pemerkasaan Bakat	16 - 17
Teras 4: Pemantapan Program Pengajian	18 - 19
Teras 5: Memperkuuhkan Kolaborasi Industri, Komuniti & Alumni	20 - 21
Teras 6: Memperkasa Penyelidikan & Inovasi	22 - 23
Harapan	24
Barisan Kru Redaksi	25



PRAKATA

Bismillahirrahmanirahim
Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor,

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah dengan limpah dan izin rahmat-Nya, Pelan Strategik Politeknik Ibrahim Sultan 2021-2025 berjaya disiapkan. Pelan Strategik ini akan menjadi panduan kepada pihak pengurusan Politeknik Ibrahim Sultan dalam meneruskan kecekapan dan keberkesanan pengurusannya bagi melaksanakan dasar-dasar pembangunan serta memastikan Politeknik Ibrahim Sultan sentiasa berupaya untuk menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara. Disamping itu juga, adalah diharapkan Pelan Strategik ini dapat menjadi sumber rujukan kepada semua pihak yang berkepentingan untuk bersama-sama Politeknik Ibrahim Sultan bagi meneruskan agenda kecemerlangan dalam memacu pembangunan negara. Saya mengharapkan Pelan Strategik ini juga akan menjadi panduan kepada agensi Kerajaan, Swasta serta Pihak Industri dalam merangka program mereka supaya sentiasa seiring dengan Politeknik Ibrahim Sultan untuk memastikan hasrat pembangunan negara dapat dicapai.

Lebih dua dekad sejak penubuhannya sehingga mendapat taraf Politeknik Premier, Politeknik Ibrahim Sultan telah menempa nama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Politeknik Ibrahim Sultan telah bergerak ke hadapan tanpa menoleh kebelakang lagi. Penyediaan Pelan Strategik ini merupakan satu inisiatif pengurusan tertinggi untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan ke arah yang lebih baik agar Visi, Misi dan Objektif Politeknik Ibrahim Sultan dapat dicapai. Melalui Pelan Strategik ini, pencapaian Politeknik Ibrahim Sultan dapat diukur dan dikawal supaya perkhidmatannya sentiasa seiring dengan Visi dan Misi Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Berbekalkan slogan "**One Team One Dream**" akan menjadi pendorong utama warga Politeknik Ibrahim Sultan untuk memastikan Pelan Strategik ini menjadi kenyataan. Justeru itu, adalah diharapkan warga Politeknik Ibrahim Sultan dapat memainkan peranan masing-masing dengan meningkatkan rasa tanggungjawab agar Politeknik Ibrahim Sultan sentiasa relevan dengan perkembangan dunia hari ini.

Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Pelan Strategik Politeknik Ibrahim Sultan 2021-2025 ini. Adalah menjadi harapan saya dan Pengurusan Tertinggi Politeknik Ibrahim Sultan agar semua yang dirancang dapat dilaksanakan dengan penuh berhemah dan sistematik dengan mengambil kira keperluan semasa serta visi Politeknik Ibrahim Sultan iaitu "Menjadi Peneraju Institusi TVET Yang Unggul" menjelang 2025.

DR.ZUBAIDAH BINTI AMAN
Pengarah
Politeknik Ibrahim Sultan

VISI

MENJADI PENERAJU INSTITUSI TVET YANG UNGGUL

MISI

- 1 Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf.
- 2 Memperkasa komuniti melalui penyelidikan, inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat.
- 3 Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.
- 4 Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.
- 5 Mengungguli bidang kejuruteraan, teknologi rekabentuk dan hospitaliti bercirikan bidang tujuan rekabentuk kreatif.

PIAGAM PELANGGAN

- 1 Proses pendaftaran pelajar diselesaikan pada hari yang sama pelajar mendaftar di PIS.
- 2 Status tindakan terhadap aduan pelanggan dimaklumkan kepada pengadu dalam masa tujuh (7) hari bekerja selepas aduan diterima.
- 3 Keputusan peperiksaan akhir semester diumumkan dalam masa dua (2) minggu selepas pengajian berakhir.
- 4 Memastikan perlaksanaan 100% Pemberian Pendidikan dan Latihan di peingkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Sijil dalam bidang kejuruteraan, teknologi rekabentuk dan hospitaliti.
- 5 Memastikan perlaksanaan 100% penyeliaan ke atas semua pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri pada setiap semester.


PENGURUSAN & PENTADBIRAN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



CARTA ORGANISASI PENGURUSAN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN



SENARAI PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN 2021

- 
- | | | |
|-----|---------------------------------|--|
| 1. | Dr. Zubaidah binti Aman | Pengarah |
| 2. | Pn. Hjh. Normala bt. Abdullah | Timbalan Pengarah (Akademik) |
| 3. | En. Noor Azmi b. Hj. Asmawi | Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) |
| 4. | En. Johaini b. Ibrahim | Ketua Unit Komunikasi Korporat |
| 5. | Pn. Norzalisna binti Johardo | Setiausaha Pejabat |
| 6. | En. Baniamin Bin Abu Bakar | Pegawai Perhubungan Awam |
| 7. | Pn. Maryati bt. Marzuki | Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal |
| 8. | En. Mazlan bin Karim | Ketua Jabatan kejuruteraan Elektrik |
| 9. | Cik Hjh. Humairah bt. Hamzah | Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti |
| 10. | Dr. Beh Cheng Siew | Ketua Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual |
| 11. | En. Hashim bin Mat Zin | Ketua Jabatan Pengajian Am |
| 12. | En. Nordin bin Zakariah | Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer |
| 13. | En. Abu Bakar b. Abd Hamid | Ketua Jabatan Hal-hal Pelajar |
| 14. | En. Aidi bin Sulaiman | Ketua Unit Kualiti |
| 15. | En. Abdul Razak Bin Salim | Pengurus CDeC |
| 16. | Pn. Farahdiba bt. Md. Said | Ketua Unit CISEC |
| 17. | Pn. Hariana bt. Hadin | Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan |
| 18. | Pn. Nurul Farahdiana bt. Jaafar | Ketua Unit Teknologi Maklumat |
| 19. | Dr. Saipol Hadi Bin Hasim | Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & Perkomersilan |
| 20. | Dr. Prasanna Kesavan | Pengerusi JK Pengajaran & Pembelajaran |
| 21. | Pn. Francisca Anak Kevin Akeu | Pegawai Pengantarabangsaan |
| 22. | En. Norfaridzen bin Tohit | KU Keusahawanan |
| 23. | En. Sharul Azahar b. Ahmad | Ketua Unit Aset & Stor |
| 24. | En. Mohd Sazlan b. Zainal | Ketua Unit Peperiksaan |
| 25. | En. Mohd Halid b. Abu | Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri |
| 26. | En. Khairul Nazry b. Talib | Ketua Jabatan Sukan, Kebudayaan & Kurikulum |
| 27. | Pn. Khatijah bt. Md Saad | Ketua Unit WBL |
| 28. | En. Muhammad Abdul Haq bin Aziz | Ketua Unit Instraksional dan Multimedia |
| 29. | En. Rowland anak Arah | Ketua Unit Perpustakaan |
| 30. | Pn. Kavitha A/P Tungarasa | Ketua Unit Pem. & Senggaraan |
| 31. | Pn. Norfairus bt. Mohd Khalid | Ketua Unit Pengurusan Psikologi |
| 32. | Pn. Norhayati bt. Ibrahim | Ketua Unit Khidmat Pengurusan |
| 33. | Pn. Mahani Wati bt. Nata | Penolong Akauntan Kanan |
| 34. | En. Rozainuddin bin Lajim | Pegawai Perolehan |

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL 2015-2025



6 TERAS STRATEGI

TERAS STRATEGI

Politeknik dan Kolej Komuniti berhasrat menjadi peneraju institusi TVET yang unggul bagi melahirkan modal insan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Berdasarkan keperluan masa kini, ENAM (6) teras strategik telah dibangunkan dan setiap satunya memfokuskan kepada aspek-aspek yang telah dikenal pasti sebagai elemen penting dalam konteks Pendidikan Tinggi Negara. Teras Strategik merupakan asas kepada perancangan pelaksanaan yang diterjemahkan berdasarkan Visi, Misi dan Hala Tuju Organisasi. Ia berperanan untuk mengemudi Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti bagi mencapai matlamat yang diharatkannya. ENAM (6) teras dikenal pasti adalah:

- 1. Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti;**
- 2. Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan;**
- 3. Pemerksaan Bakat;**
- 4. Pemantapan Program Pengajian;**
- 5. Memperkuuh Kolaborasi Industri, Komuniti & Alumni; dan**
- 6. Memperkasa Penyelidikan & Inovasi**

Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti merupakan kesinambungan pelan-pelan seumpamanya berkaitan politeknik dan kolej komuniti. Pendekatan yang dijadikan asas utama penggubalan pelan ini ialah Balanced Scorecard (BSC). BSC merupakan kaedah perancangan strategik dan ia dipilih kerana mudah disepadukan dengan alat dan kaedah perancangan strategik yang lain. Pembangunan pelan bermula dengan penentuan matlamat dan visi organisasi dan diikuti penentuan strategi yang berpandukan empat perspektif utama, iaitu mengaitkan pihak berkepentingan, proses dalaman, pembelajaran dan peningkatan, dan kewangan. Penghasilan peta strategi seterusnya dijadikan alat komunikasi yang berkesan untuk semua warga. Ini membawa warga kepada satu kefahaman dan nilai yang dikongsi bersama. Melalui objektif strategik yang disusun di bawah teras strategik utama, pengukuran pencapaian ditentukan oleh Sasaran Kerja Utama (SKU). Pencapaian SKU ini diurus melalui inisiatif yang dipertanggungjawabkan kepada pihak yang berkaitan. Pemantauan prestasi diurus melalui sistem pengurusan prestasi yang memupuk pembelajaran dan akhirnya membawa kepada penambahbaikan berterusan. Sebagai organisasi pendidikan, JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti beriltizam untuk bergerak unggul ke hadapan untuk mencapai masa depan yang cemerlang dan terbilang.

TERAS STRATEGI



MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Memberi ruang kepada pelajar untuk terlibat dalam program pertukaran pelajar antarabangsa selain program sukarelawan bersama komuniti dan seterusnya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan, mensasarkan kepada pembangunan graduan TVET berciri global serta berkualiti. Penambahbaikan ekosistem keusahawanan juga, akan dilaksanakan secara berterusan agar peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan dapat ditingkatkan. Kesemua usaha ini mendukung ke arah melahirkan graduan TVET yang mempunyai kadar kebolehpasaran tinggi dengan memastikan kadar tamat pengajian dalam tempoh (GOT) dapat dicapai.



MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAH

Politeknik Ibrahim Sultan perlu diperkasaan melalui tadbir urus yang mampan bagi mendepani cabaran perkembangan teknologi berteraskan 4IR sejajar dengan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat ke arah pemantapan governan yang responsif dan berkesan.



PEMERKASAAN BAKAT

Program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif bersama industri, seperti Latihan Sangkutan Industri serta Kelayakan Professional, bakal memperkuuh pengetahuan serta kemahiran industri yang efektif dan relevan di kalangan pensyarah.



PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Pemantapan program pegajian melalui pelaksanaan persekitaran pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, adalah bersandarkan kepada prinsip *Conceive, Design, Implement* dan *Operate* (CDIO) disamping meningkatkan keberkesanannya mekanisma penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran, dalam memastikan transformasi program pengajian menepati permintaan industri dapat dicapai.



MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

Politeknik Ibrahim Sultan komited memperkuuh serta memantapkan kolaborasi industri, komuniti dan alumni serta pelaksanaan Program Pembangunan Sepanjang Hayat (PSH) yang akan menyumbang kepada ekosistem sosioekonomi negara yang kondusif berdaya saing dan inklusif. Justeru, kolaborasi berimpak tinggi dengan industri, peranan alumni serta pelaksanaan PSH berkualiti yang disasarkan, menjadi misi penting institusi sebelum bergelar peneraju institusi TVET yang unggul.



MEMPERKASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Pemerkasaan penyelidikan dan inovasi di Politeknik Ibrahim Sultan melalui pelestarian ekosistem penyelidikan dan inovasi serta memasyarakatkan penyelidikan dan penemuan ilmu baharu bagi penghasilan produk yang diaplikasi.

MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI



TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Memberi ruang kepada pelajar untuk terlibat dalam program pertukaran pelajar antarabangsa selain program sukarelawan bersama komuniti dan seterusnya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan, mensasarkan kepada pembangunan graduan TVET berciri global serta berkualiti. Penambahbaikan ekosistem keusahawanan juga, akan dilaksanakan secara berterusan agar peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan dapat ditingkatkan. Kesemua usaha ini mendukung ke arah melahirkan graduan TVET yang mempunyai kadar kebolehpasaran tinggi dengan memastikan kadar tamat pengajian dalam tempoh (GOT) dapat dicapai.

TERAS JPPKK	OBJEKTIF STRATEGIK	KPI/SKU	INDIKATOR	PELAKSANA	INISIATIF/ STRATEGI	SASARAN								
						2021	2022	2023	2024	2025				
TERAS 1 MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI	OS 1.1 Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi	Melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi		CISEC dan JABATAN	1. Persijilan Kejurulatihan Rekreasi (Tahap 1 dan 2)									
					2. Pensijilan Profesional (ACA, ACE (Expert), CIDB, Autodesk MAYA, Persijilan Fiber Optic - CA1C & CA2C)	5% daripada bilangan pelajar	10% daripada bilangan pelajar	15% daripada bilangan pelajar	20% daripada bilangan pelajar	25% daripada bilangan pelajar				
					3. Adobe Certified Associate (ACA M'sia/World Championship)	1 pasukan	2 pasukan	3 pasukan	4 pasukan	5 pasukan				
					4. FIRA (Bilangan Pasukan)									
	OS 1.2 Menambahbaik ekosistem keusahawanan	Peratus Graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian	77%	PEPERIKSAAN dan JABATAN	5. PolySkills (Bilangan Pasukan)	100% penglibatan pelajar								
					1. Sistem Penasihatkan Akademik 2. MiN D 3. Taklimat kepentingan GOT kepada pelajar.	6%	7%	8%	9%	10%				
	OS 1.3 Membangunkan graduan TVET berciri warga global	Bilangan program sukarelawan pelajar yang melibatkan komuniti atau institusi.	6%	KEUSAHAWANAN, ALUMNI dan JABATAN	1. Menghasilkan usahawan dalam kalangan graduan melalui program yang dianjurkan. 2. Mengemaskini Data Alumni yang telah mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.									
		Membangunkan graduan TVET berciri Warga Global	3	HEP, YES dan JABATAN	Merancang dan melaksanakan aktiviti bersama golongan asnaf dan anak yatim dan komuniti setempat.	6								
				UNIT PENGANTARABANGSAAN	SEA-TVET Student Exchange Programme	1								

MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAH



TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Politeknik Ibrahim Sultan perlu diperkasakan melalui tadbir urus yang mampan bagi mendepani cabaran perkembangan teknologi berteraskan 4IR sejajar dengan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat ke arah pemantapan governan yang responsif dan berkesan

TERAS JPPKK	OBJEKTIF STRATEGIK	KPI/SKU	INDIKATOR	PELAKSANA	INISIATIF/ STRATEGI	SASARAN				
						2021	2022	2023	2024	2025
TERAS 2 MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN	OS 2.1 Memperkasa institusi berpacuan 4IR	Bilangan hebahan jabatan / institusi di media baharu	96	UKK, JABATAN dan UNIT	Mempromosi politeknik melalui media arus perdana dan media sosial	96 hebahan media	100 hebahan media	150 hebahan media	200 hebahan media	250 hebahan media
		Memperkasa Institusi berpacuan 4IR		UNIT DAN JABATAN	Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan infostruktur	85%	85%	85%	85%	85%
		Bilangan aktiviti Lean Management di jabatan / institusi	2	KIK, JABATAN DAN UNIT	Menghasilkan inovasi dalam pengurusan	2	3	4	5	6
	OS 2.2 Memperkuuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan	Peratus prestasi pembayaran bil dalam tempoh 7 hari daripada dokumen lengkap diterima	100%	KEWANGAN	Memastikan semua bil dibayar dalam tempoh 14 hari oleh Unit Kewangan					100%
		Peratus prestasi perbelanjaan mengurus 99% bagi tahun semasa	99%	KEWANGAN	Memastikan prestasi perbelanjaan mengurus mencapai 99 peratus					99%
		Peratus prestasi perbelanjaan bagi waran Peruntukan Pembangunan(P64) yang dicapai oleh jabatan pada tahun semasa	100%	PEROLEHAN	Memastikan perbelanjaan waran Peruntukan Pembangunan mencapai 100 peratus					100%
		Bilangan <i>Centre of Technology</i> (COT) Politeknik diliktiraf mendapat penarafan 2 bintang	2 bintang	CDeC	Merancang dan melaksanakan 7 elemen penilaian untuk penarafan COT					3 bintang
		Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa		KUALITI DAN JABATAN PIS-APACC	Memperoleh pengiktirafan dari MOA dan ETAC Memperoleh pengiktirafan dari APACC				15 program	
				KUALITI - ISO	Memperoleh pengiktirafan MS ISO 9001:2015 dari SIRIM			Emas		Emas
		Peratus institusi yang mencapai <i>Overall Equipment Efficiency</i> (OEE) berdasarkan skor melebihi 85% pada tahun semasa	85 %	ASET	PIS mencapai <i>Overall Equipment Efficiency</i> (OEE) melebihi skor 85 peratus					85%
		Purata Skor yang dicapai hasil daripada Pemantauan Kesepuhaan dan Keserakan (PK&K) di institusi pada tahun semasa	80%	SEMUA JABATAN DAN UNIT	Semakan Dokumen yang diperlukan seperti yang disenaraikan oleh Bahagian Governan dan Kecemerlangan JPPKK (BGK)					80%

TERAS 3

PEMERKASAAN BAKAT



TERAS 3: PEMERKASAAN BAKAT

Program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif bersama industri, seperti Latihan Sangkutan Industri serta Kelayakan Professional, bakal memperkuuh pengetahuan serta kemahiran industri yang efektif dan relevan di kalangan pensyarah.

TERAS JPPKK	OBJEKTIF STRATEGIK	KPI/SKU	INDIKATOR	PELAKSANA	INISIATIF/ STRATEGI	SASARAN				
						2021	2022	2023	2024	2025
TERAS 3 PEMERKASAAN BAKAT	OS 3.1 Molahirkan warga kerja yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif	Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa	35%	ULPL dan JABATAN	Mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa seperti LSI, SIP, Persijilan professional, Ir, Ts, Open Water Diver, Advanced Open Water Diver, Amadeus Learning Service, Halal Executive, Adobe	35%	35%	35%	35%	35%



PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN



TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Pemantapan program pengajian melalui pelaksanaan persekitaran pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, adalah bersandarkan kepada prinsip *Conceive, Design, Implement* dan *Operate* (CDIO) disamping meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran, dalam memastikan transformasi program pengajian menepati permintaan industri dapat dicapai.

TERAS JPPKK	OBJEKTIF STRATEGIK	KPI/SKU	INDIKATOR	PELAKSANA	INISIATIF/ STRATEGI	SASARAN				
						2021	2022	2023	2024	2025
TERAS 4 PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN	OS 4.1 Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri	Mentransformasi program pengajian menepati industri		UNIT WBL dan JABATAN	Merancang dan melaksana kerjasama strategik bersama industri	4 program				
		Bilangan Program pengajian yang diintegrasikan mengikut model <i>intra-</i> <i>programme</i> , <i>inter-programme</i> atau <i>inter-</i> <i>institution</i> (CDIO)		JRKV dan JPH	1. Program DFP 2. Program DRI 3. BVC 4. BTB	4 program / tahun				
	OS 4.2 Meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian	Meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian		JABATAN	Merancang dan melaksanakan kursus KUDAP dan Lawatan Penandaarasan	4 program / tahun				

TERAS 5

MEMPERKUKUHKAN KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI

rategik
geri Johor
nim S

20

| 12.00 TEM




TERAS 5: MEMPERKUKUHKAN KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI

Politeknik Ibrahim Sultan komited memperkukuh serta memantapkan kolaborasi industri, komuniti dan alumni serta pelaksanaan program PSH yang akan menyumbang kepada ekosistem sosioekonomi negara yang kondusif berdaya saing dan inklusif. Justeru, kolaborasi berimpak tinggi dengan industri, peranan alumni serta pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) berkualiti yang disasarkan, menjadi misi penting institusi sebelum bergelar peneraju institusi TVET yang unggul.

TERAS JPPKK	OBJEKTIF STRATEGIK	KPI/SKU	INDIKATOR	PELAKSANA	INISIATIF/ STRATEGI	SASARAN				
						2021	2022	2023	2024	2025
TERAS 5 MEMPERKUKUHKAN KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI	OS 5.1 Memperkukuh jaringan industri institusi	Bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi	5	CISEC dan JABATAN	Merancang dan melaksana program kolaborasi yang berimpak tinggi	5 program				
	OS 5.2 Memastikan sumbangan signifikan kepada negara dan komuniti	Bilangan penyertaan program PSH bagi setiap institusi pada tahun semasa.	850	ULPL dan JABATAN	Merancang dan melaksanakan kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat	850 orang peserta				
	OS 5.3 Memperkukuh hubungan dengan alumni	Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni.	5	CISEC, ALUMNI dan JABATAN	Merancang dan melaksanakan aktiviti bersama alumni.	5 program				

MEMPERKASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI



TERAS 6: MEMPERKASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Pemerkasaan penyelidikan dan inovasi di Politeknik Ibrahim Sultan melalui pelestarian ekosistem penyelidikan dan inovasi serta memasyarakatkan penyelidikan dan penemuan ilmu baharu bagi penghasilan produk yang diaplikasi.

TERAS JPPKK	OBJEKTIF STRATEGIK	KPI/SKU	INDIKATOR	PELAKSANA	INISIATIF/ STRATEGI	SASARAN				
						2021	2022	2023	2024	2025
TERAS 6 MEMPERKASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI	OS 6.1 Melestarikan ekosistem penyelidikan dan inovasi	Bilangan produk inovasi yang diaplikasi / <i>solution provider</i> (Harta Intelek)	2	UPIK dan JABATAN	Merancang dan melaksana penerbitan katalog produk inovasi PIS	1	1	1	1	1
					Memohon Geran T-ARGS	2	2	2	2	2
					Merancang dan melaksana kerjasama PIS-UTM	1	1	1	1	1
					Merancang serta membangunkan applikasi android bersama industri	1	1	1	1	1
					Merancang dan menghasilkan inovasi	1	1	1	1	1
					Membantu PKS dan Industri dalam meningkatkan produktiviti syarikat.	4	4	4	4	4
					Membangunkan Online-biz bagi tujuan mempromosikan produk-produk PIS	4	4	4	4	4
	Bilangan kertas penyelidikan TVET yang diterbitkan	<i>10% daripada staf PPPT institusi</i>	UPIK dan JABATAN		Menghasilkan artikel penyelidikan	40	40	40	40	40
					Menerbitkan Creative Design Digest	1	1	1	1	1
					Menganjurkan persidangan kebangsaan	1	1	1	1	1

HARAPAN

Pelan Strategik Politeknik Ibrahim Sultan 2021-2025 merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik PIS 2015-2020. Dokumen ini disediakan bertujuan untuk menjelaskan konsep, falsafah serta matlamat ke arah melahirkan graduan TVET yang holistik dan kompeten serta berkemampuan menyumbang kepada pembangunan negara. Sepanjang tempoh 2016-2020, pelbagai pencapaian cemerlang telah direkodkan, hasil daripada komitmen dan kesungguhan setiap warga kerja PIS dalam melaksanakan aktiviti yang telah dirancang, secara strategik. Adalah diharapkan, komitmen serta kesungguhan ini akan diteruskan demi mencapai kecemerlangan PIS bagi tempoh 2021 hingga 2025.

Pencapaian ini akan dijayaikan sepenuhnya dengan komitmen serta penglibatan semua pegawai dan kakitangan PIS. Semoga amalan serta budaya bekerja dalam satu pasukan, penambahbaikan berterusan melalui maklumbalas berkala serta fokus kepada pencapaian objektif strategik yang ditetapkan, akan sentiasa menjadi pegangan dalam memastikan matlamat bagi setiap teras dapat dicapai. Setiap warga PIS, pasti ada peranannya dalam melaksanakan Perancangan Strategik ini dengan pemahaman serta penghayatan yang mendalam.



Semoga buku Pelan Strategik PIS 2021-2025 ini akan menjadi rujukan dalam perancangan serta perlaksanaan aktiviti bagi setiap inisiatif yang dirancang. Sesungguhnya, kesepakatan dan komitmen seluruh warga kerja PIS dari setiap peringkat, memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan hasrat menjadikan PIS sebagai peneraju institusi TVET yang unggul, dapat dicapai.

BARISAN KRU REDAKSI

PENAUNG:

DR. ZUBAIDAH BINTI AMAN

PENASIHAT 1:

HAJJAH NORMALA BINTI ABDULLAH

PENASIHAT 2:

EN. NOOR AZMI BIN HJ. ASMAWI

KETUA EDITOR:

DR. ALIAS BIN MAT SAAD

EDITOR:

PN. AZILA BINTI ABDUL WAHID

PN. SITI NOOR SHA'ADAH BINTI ALI

PN. ZAINAB BINTI ALI TAHU

PN. ZUZILAH BINTI HARUN

PN. NOR ROFIZAH BINTI JOHARI

PROOFREADER:

EN. AIDI BIN SULAIMAN

PN. JULIA BINTI MOHD YUSOF

REKABENTUK GRAFIK & SUSUN ATUR:

PN. NOR ROFIZAH BINTI JOHARI

PELAN STRATEGIK

Politeknik Ibrahim Sultan
2021 - 2025

Politeknik Ibrahim Sultan
Km 10 Jalan Kong-Kong
81700 Pasir Gudang
Johor Darul Takzim
Malaysia



+607-2612488



+607-2612402



<http://www.pis.edu.my>